

15/11/1997

PM tegur persatuan pengguna

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur persatuan pengguna yang terlalu mendesak dan membantah secara tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan inflasi meningkat, sekali gus membebankan semula pengguna.

Tindakan persatuan pengguna seperti itu menyebabkan kos projek dan pembangunan penting semakin meningkat serta lewat disiapkan ekoran syarat yang berlebihan dikenakan.

Perdana Menteri berpendapat, jika persatuan pengguna menggunakan cara yang asing daripada budaya rakyat negara ini, mereka akan menyebabkan inflasi meningkat dan pengguna yang terpaksa menanggung kesannya.

Beliau memberikan contoh kesedaran semua pihak mengenai pentingnya memelihara alam sekitar sehingga kerajaan mensyaratkan laporan Kajian Kesan Alam Sekitar (EIA) dibuat sebelum sesuatu projek dilaksanakan.

"EIA sendiri menyebabkan kos, bukan semata-mata kerana upah tetapi kerana kelewatan pelaksanaan. Tetapi apabila persatuan pengguna membuat pelbagai teguran dan tindakan tidak bertanggungjawab serta mendesak lebih daripada yang diperlukan, maka kos akan meningkat dan pengguna sendiri memikul bebannya.

"Demikian juga harga barangan, rumah atau tol akan meningkat kerana bantahan yang berpanjangan oleh kesatuan pengguna. Kos projek dan pembangunan penting meningkat serta lambat disiapkan kerana syarat berlebihan.

"Kita patut sanggup menanggung kos kerana syarat yang perlu tetapi menambah kos kerana pendapat persendirian orang tertentu tidaklah wajar. Kesatuan pengguna sepatutnya menolong mengurangkan kos sara hidup pengguna, bukan menaikkan kos," katanya ketika merasmikan Hari Pengguna Sedunia Peringkat Kebangsaan di Pusat Islam, hari ini.

Sambutan keenam itu mengekalkan tema 'Inflasi Sifar Sasaran Kita' kerana menurut Dr Mahathir, kerajaan berpendapat kempen itu perlu diteruskan kerana ia munasabah dan penting untuk menentukan kos hidup di negara ini sentiasa stabil.

Menurut Perdana Menteri, inflasi hanya boleh diatasi dengan menambah daya keluaran atau produktiviti, bukannya melakukan tuntutan kenaikan gaji atau margin keuntungan.

Produktiviti dicapai melalui cara kerja yang lebih efisien atau pelaburan untuk peralatan yang lebih produktif, selain disokong oleh amalan kepenggunaan yang sihat.

Bangsa yang cekap menambah produktiviti, katanya, akan berjaya dalam saingan dengan bangsa lain serta menjadi lebih mewah dan menikmati kehidupan yang lebih bahagia.

"Gaya hidup yang membazir seperti amalan masyarakat di negara maju tidak perlu menjadi ikutan masyarakat negara ini. Malah, kos sara hidup sebenarnya boleh dikurangkan separuh jika masyarakat tidak ghairah berbelanja bagi barangan yang tidak perlu," katanya.

Dr Mahathir menegaskan, kenaikan gaji tetap akan menaikkan inflasi melalui peningkatan kos barangan atau perkhidmatan. Keadaan itu tidak mampu menambah daya beli seseorang.

"Lebih daripada waktu biasa, kejatuhan nilai matawang perlu diatasi dengan kenaikan produktiviti yang lebih," katanya.

Perdana Menteri berkata, inflasi di negara ini sebahagian besarnya disebabkan import barangan makanan yang tinggi. Negara mengimport bahan

makanan kira-kira RM9 bilion setahun.

Sehubungan itu, beliau menggalakkan rakyat mengurangkan makanan import dengan menggantikan dengan makanan keluaran tempatan.

"Seberapa yang boleh, kita makan barangan yang dikeluarkan oleh negara kita sendiri. Demikian juga dengan barangan lain yang terdapat dalam indeks kos sara hidup," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayub.

Perdana Menteri turut menyampaikan anugerah kepada pemenang Kelab Pengguna Sekolah Terbaik, Majlis Hal Ehwal Pengguna Daerah Paling Aktif, Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri Paling Aktif, Kedai Harga Patut Terbaik, Ibu Tunggal Cemerlang dan Tokoh Pengguna.

(END)